

## Pengaruh Mazhab Shafi'i dalam Fatwa Zakat di Terengganu

The Influence of the Shafi'i School of Law in Legal Opinion of Tithe in Terengganu

WAN ZULKIFLI WAN HASSAN

### ABSTRAK

*Kajian ini cuba melihat sejauh mana pengaruh mazhab Shafi'i dalam fatwa berkaitan zakat di negeri Terengganu. Sebanyak 104 fatwa zakat dianalisis sejak 1953 hingga 2005. Ia diukur melalui sumber rujukan yang digunakan semasa sesuatu fatwa itu diputuskan. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah induktif dan komparatif. Dari sudut kedudukan rujukan fatwa, kajian mendapati 79.8 peratus fatwa tersebut tidak menyebut secara jelas sumber rujukan. Ini diikuti oleh fatwa yang menyebut secara jelas rujukan mazhab Shafi'i iaitu sebanyak 10.57 peratus, fatwa yang jelas merujuk kepada pandangan selain mazhab Shafi'i dan penulisan ulama kontemporari adalah sebanyak 2.88 peratus. Manakala fatwa yang jelas menyebut pandangan ulama mazhab lain di samping mazhab Shafi'i ialah sekadar 0.98 peratus sahaja. Kedudukan statistik rujukan fatwa tersebut tidak memberi suatu ukuran yang tepat mengenai pengaruh mazhab Shafi'i. Walaupun begitu, dengan membuat analisis secara mendalam, kajian mendapati pandangan mazhab Shafi'i mendominasi fatwa mengenai zakat di Terengganu, iaitu sebanyak 90.37 peratus dari jumlah keseluruhan fatwa zakat meskipun sebahagiannya boleh disesuaikan dengan mazhab lain yang dianggap selari dengan mazhab Shafi'i. Kajian juga mendapati wujud beberapa fatwa yang mempunyai kesimpulan hukum yang sama walaupun berlainan dari sudut tahun dikeluarkan. Berlaku juga beberapa fatwa yang mempunyai masalah yang sama tetapi penyelesaian hukum yang berbeza. Hal ini terjadi apabila wujud perbezaan suasana dan keadaan dan fatwa yang diputuskan tidak bertentangan dengan objektif syariah (maqasid al-shari'ah).*

*Kata kunci: Mazhab Shafi'i; fatwa; zakat; Terengganu*

### ABSTRACT

*This study attempts to identify the extent of influence of the Shafi'i school of law into Islamic legal opinions related to tithe in the state of Terengganu. A total of 104 legal opinions are analyzed since 1953 to 2005. It is measured via references that used when such a legal opinion is decided. This research is a qualitative research by using inductive and comparative methods. In terms of references of legal opinions, the study finds that 79.8 percent did not mention clearly the sources of references. This is followed by a clear citation mentioning Shafi'i's references, namely 10.57 percent, and 2.88 percent stating other than the Shafi'i school of law including the views of contemporary Muslim scholars. While 0.98 percent mentions references of the Shafi'i school of law together with other school of law. Based on the statistics, it could be said that it does not portray an accurate measurement as to the influence of the Shafi'i school of law in the legal opinions. Even so, by making an in-depth analysis of study, it finds that the Shafi'i school of law dominates into legal opinions of tithe in Terengganu, namely 90.37 percent of the total legal opinions, although some can be adapted to other schools that are considered parallel to the Shafi'i school of law. The study also finds that there are several legal opinions that having the same legal conclusion even if they are decided in a different year. There are also a number of legal opinions that having the same problem but decided in different solutions. This occurs when there is different atmosphere and situation as well as such legal opinions decided not contrary to the objectives of Islamic law.*

*Keywords: Shafi'i school of law; Islamic legal opinion; tithe; Terengganu*

### PENGENALAN

Masyarakat Islam sentiasa berhadapan dengan berbagai insiden dan masalah yang tidak pernah dihadapi oleh mereka sebelum ini. Pengurusan dan prosedur zakat sering berhadapan dengan suasana

berubah dari sudut perolehan dan pengagihan zakat. Antara sebab berlaku demikian adalah terdapat sebahagian harta yang tidak pernah wujud di zaman sebelum ini. Begitu juga, terdapat bentuk pengurusan dan pentadbiran yang mempunyai perubahan dan penambahbaikan dari masa ke semasa. Menyedari

situasi ini, perbincangan mengenai hukum sewajarnya ditangani oleh mereka yang mempunyai kelayakan dalam bidang berkenaan.

Institusi fatwa amat diperlukan masa kini akibat daripada berlakunya perubahan realiti dan situasi serta kemaslahatan dalam semua bidang kehidupan manusia. Di Malaysia, hanya mereka yang dilantik sebagai mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri hanya diberi mandat dalam memutuskan sesuatu fatwa apabila terdapat sesuatu masalah baru yang memerlukan hukum yang jelas kepada masyarakat (Hasnan Kasan 2000).

Setiap negeri di Malaysia memperuntukkan penubuhan sebuah jawatankuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengeluarkan fatwa walaupun kedudukan dan status yang menganggotai jawatankuasa tersebut berbeza-beza di antara setiap negeri. Ini kerana, kuasa mentadbir hal-ehwal agama termasuk soal fatwa adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing (Suwaid Tapah 1993).

Namun dalam menghadapi suasana di atas, penulis beranggapan bahawa kemampuan mufti-mufti di setiap negeri di Malaysia untuk berjihad secara individu agak terbatas dan menghadapi kesukaran walaupun terdapat sebilangan kecil dari kalangan mereka yang cuba berjihad secara bersendirian tetapi ia masih diragui. Justeru mereka lebih berminat berjihad secara kolektif (Ahmad Hidayat 2004; Massa, Ogos, 1997; *Dewan Masyarakat*, November, 1997).

Sebaiknya, dalam menentukan sesuatu hukum khususnya dalam institusi fatwa, mufti atau jawatankuasa fatwa sewajarnya memerlukan kepakaran mendalam dalam mengistinbatkan hukum yang terdapat di dalam nas di samping mekanisme ijihad yang telah digariskan oleh para ulama (al-Qaradawi t.t).

Dengan ini, setiap fatwa yang diputuskan dapat memastikan kemaslahatan dan kebaikan kepada umat di samping tidak mengkesampingkan nas-nas yang disebut secara jelas di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Justeru, institusi fatwa perlu memainkan peranan yang penting agar setiap keputusan fatwa dapat diputuskan secara adil dan menepati objektif syarak dan kehendak semasa dan setempat (al-Qaradawi t.t).

Antara perkara yang penting yang perlu diberi penekanan dalam memutuskan sesuatu fatwa

adalah zakat. Ini kerana zakat merupakan antara yang terpenting dalam sumber pendapatan kerajaan dan perlu diuruskan dengan sebaiknya sama ada dari sudut perolehan atau pengagihannya. Bagi memenuhi keperluan fatwa semasa mengenai aspek zakat yang melibatkan kepentingan masyarakat dan negara, sewajarnya mufti dan mereka yang diberi mandat dalam institusi fatwa menggunakan pelbagai mekanisme ijihad dalam usaha memberi jawapan terhadap insiden dan permasalahan hukum yang berlaku. Bukannya hanya bergantung atau sekadar memetik fatwa-fatwa terdahulu walupun ia berbeza dari sudut masa, keadaan dan tempat.

Namun adakah isi kandungan setiap keputusan fatwa tersebut menyebut secara jelas sandaran hukum agar menampakkan suatu fatwa itu bersifat ilmiah. Selain itu adakah fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mufti-mufti di Malaysia termasuk di Terengganu, tidak terlepas dari berpegang kepada pemikiran dan pendapat mazhab al-Syafi'i. Justeru kajian ini akan melihat dengan lebih dekat berhubung sejauh mana pengaruh mazhab Shafi'i masih lagi berlaku dalam fatwa-fatwa yang dikemukakan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Terengganu bermula pada tahun 1953 hingga 2005 khususnya dalam perkara yang membincangkan mengenai zakat.

Dalam artikel ini, penulis akan menganalisis sejauh mana pengaruh mazhab Shafi'i dalam 104 fatwa atau 6.87 peratus daripada jumlah keseluruhan fatwa iaitu 1513 fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa atau Mufti Kerajaan Negeri Terengganu bermula dari tahun 1953M hingga 2005M. Ia juga meliputi 11.17 peratus daripada keseluruhan fatwa dalam bidang Shari'ah dan 19 peratus daripada jumlah keseluruhan fatwa dalam sub-bidang ibadat. Ini kerana, kajian ini hanya merujuk kepada fatwa yang melibatkan ibadat zakat sahaja. Fatwa tersebut diperolehi melalui e-fatwa, keputusan fatwa dalam minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu atau melalui koleksi buku dan keratan-keratan akhbar dalam tempoh tersebut.

#### PROSEDUR DAN AMALAN FATWA DI TERENGGANU

Pada kebiasaannya, prosedur dan amalan hukum yang berlaku di negeri-negeri di Malaysia kecuali negeri

Perlis bersumberkan pandangan mazhab Syafi'i, maka keadaan yang sama juga berlaku di Terengganu. Justeru amalan fatwa yang berlaku di Terengganu telah memperkukuhkan kedudukan ini berdasarkan peruntukan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No. 4 pada tahun 1955 dan dalam seksyen 26(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (1986) yang mengatakan fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti dan Jawatankuasa (JK) Fatwa Agama Islam dan Adat Melayu hendaklah mengikut pendapat muktamad mazhab Syafi'i, sekiranya ia bersalahan dengan kepentingan awam, maka pendapat dalam ketiga-tiga mazhab lain hendaklah dipakai. Sekiranya keempat-empat mazhab tersebut pula bercanggah dengan kepentingan awam, maka Mufti dan Jawatankuasa tersebut bolehlah mengeluarkan fatwanya sendiri tanpa terikat dengan empat mazhab tersebut.

Kenyataan dalam enakmen di atas menunjukkan bahawa terdapat peluang untuk menerima pandangan mazhab lain tanpa merujuk kepada pandangan *da'if* dalam mazhab Shafi'i jika ia didapati bertentangan dengan kepentingan umum. Justeru ini memberi ruang yang luas kepada mufti dan Jawatankuasa Fatwa untuk mengamalkan dan memakai pandangan dari mazhab-mazhab muktabar yang lain.

Antara bukti yang menunjukkan bahawa fatwa di Terengganu menggunakan sumber rujukan fatwa berpandukan mazhab Syafi'i ialah jawapan daripada mufti Terengganu terhadap surat yang dikirim kepadanya oleh Persekutuan Islam Singapura. Dalam surat pertanyaan tersebut pihak Persekutuan Islam Singapura mengutarakan tentang bidang kuasa tauliah kepada para kadi. Dalam memberi jawapan, nampaknya mufti mengutip pandangan mazhab Syafi'i melalui kitab *Asna al-Matalib Syarh Rawd al-Talib Syeikh al-Islam Abu Yahya Zakariyya al-Ansari* (Suk Trg. 90/1336, "pinta fatwa al-mufti suatu soal perkara yang berkenaan dengan syariah Muhammadiyah).

Ini diperkukuhkan lagi dengan kemunculan beberapa orang tokoh agama yang memegang jawatan mufti di Terengganu memandangkan kebanyakan mereka berpegang kepada mazhab Syafi'i. Menurut pemerhatian penulis, boleh dikatakan majoriti mufti yang terdapat di Terengganu mempunyai latar belakang pendidikan aliran mazhab Syafi'i. Ini memandangkan mereka berguru dengan ulama-ulama

yang bermazhab Syafi'i di Makkah dan guru-guru yang berasal daripada Pattani atau negeri-negeri yang berada di Nusantara atau guru-guru yang pernah berguru dengan guru-guru di Pattani dan guru-guru tempatan. Terdapat juga sebahagian daripada mereka yang belajar di Timur Tengah yang terdedah dengan idea-idea *tajdid* (pembaharuan) (Wan Zulkifli 2009).

#### KEPUTUSAN FATWA MENGENAI ZAKAT DI TERENGGANU

Secara umumnya, pendekatan yang diambil oleh para Mufti dan Jawatankuasa Fatwa dalam mengeluarkan fatwa mengenai zakat adalah terikat dengan peruntukan yang terdapat dalam enakmen berkenaan dengan fatwa. Ini kerana, metodologi jawapan fatwa mengenai zakat dan jawapan dalam bidang-bidang yang lain adalah mengikut kelaziman dan cenderung ke arah mengamalkan kebiasaan sebagaimana yang terdapat dalam enakmen.

Berdasarkan analisis di atas, boleh dikatakan kebanyakan fatwa mengenai zakat diutarakan oleh para Mufti dan Jawatankuasa Fatwa adalah ringkas dan tiada sumber rujukan. Dengan kata lain, fatwa-fatwa tersebut dianggap sebagai untuk memberi khidmat penjelasan hukum kepada orang awam dan bukannya untuk disediakan bagi tujuan tahap akademik yang tinggi. Justeru, kadang-kadang jawapan fatwa-fatwa zakat oleh para Mufti dan Jawatankuasa Fatwa adalah ringkas dan tidak disertakan sumber rujukan. Bahkan sesetengah fatwa tersebut tidak menyebut apa-apa alasan dan catatan autoriti rujukan.

Namun begitu, fatwa-fatwa zakat yang tidak menyebut sumber rujukan bukanlah menggambarkan bahawa mufti atau Jawatankuasa Fatwa tidak mempunyai kelayakan dan kemahiran membuat fatwa. Bahkan para Mufti dan Jawatankuasa Fatwa terikat dengan falsafah-falsafah dan prinsip-prinsip hukum tertentu dalam proses pengeluaran fatwa dan bukannya mengikut kemahuan dan kehendak hawa nafsu atau logik akal semata-mata.

Tambahan pula, menurut pengamatan penulis, sekalipun mereka dianggap menggunakan ijtihad dan keputusan mereka sendiri tetapi mereka masih lagi bersandarkan kepada kaedah atau panduan hukum yang telah diperjelaskan oleh para *fuqaha* terdahulu melalui kitab-kitab yang dikarang oleh mereka,

terutama kitab-kitab yang dikarang oleh ulama dalam mazhab Shafi'i.

Oleh sebab itu, pengaruh mazhab Shafi'i dalam fatwa mengenai zakat di Terengganu tidak hanya diukur dari sudut sumber rujukan dan pandangan ulama yang dinyatakan secara jelas oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa tetapi perlu dianalisis setiap fatwa yang dikemukakan.

#### KETERIKATAN KEPADA MAZHAB DAN KETERBUKAAN DALAM FATWA MENGENAI ZAKAT

Kajian mendapati pengaruh dan keterikatan kepada mazhab Shafi'i lebih menonjol dalam fatwa-fatwa mengenai zakat di Terengganu. Justeru penafsiran hukum berpaksikan doktrin mazhab Syafi'i menjadi rujukan para Mufti dan Jawatankuasa Fatwa dalam menangani kes-kes yang berkaitan dengan zakat. Namun begitu terdapat juga beberapa pandangan luar dari mazhab Shafi'i diambil kira dalam mengeluarkan fatwa jika ia bertepatan dengan realiti dan suasana bagi meraikan masalah dan kepentingan umum.

Menurut pengamatan penulis, sumber rujukan fatwa dan pandangan hukum oleh para Mufti dan Jawatankuasa Fatwa mengenai zakat boleh dikategorikan kepada empat bahagian utama iaitu pertama; fatwa yang jelas menyebut rujukan berasaskan kitab mazhab Syafi'i dan pandangan Shafi'iyyah, kedua; fatwa yang jelas memuatkan pandangan luar mazhab Shafi'i di samping mazhab Syafi'i, ketiga; fatwa yang merujuk kepada pendapat luar mazhab Shafi'i atau penulisan ulama kontemporari dan keempat; fatwa yang tidak menyebut rujukan atau pandangan fuqaha sama ada dari fuqaha mazhab Syafi'i atau selainnya.

#### FATWA YANG JELAS MENYEBUT RUJUKAN BERASASKAN MAZHAB SHAFI'I

Berdasarkan beberapa keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa sangat jelas dipengaruhi oleh mazhab Shafi'i, bermakna model perumusan hukum yang dikemukakan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa tidak memerlukan proses pertimbangan yang mendalam dan rumit. Bahkan mengambil secara langsung keputusan-

keputusan hukum dan penafsiran ulama mazhab Shafi'i yang terdahulu melalui beberapa kitab yang dijadikan sebagai rujukan.

Senarai rujukan yang disertakan dalam beberapa keputusan fatwa-fatwa tersebut di atas memperkukuhkan hal tersebut. Bagi fatwa-fatwa yang dimuatkan dalam himpunan *Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Terengganu iaitu "Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970"* oleh Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi dan "*Himpunan Fatwa Mufti Negeri Terengganu*" oleh Engku Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku 'Alwi b. Engku Ambak sebanyak 12 fatwa atau 11.53 peratus daripada jumlah keseluruhan fatwa zakat. Ini termasuk 8 fatwa mengenai zakat yang dinyatakan secara jelas rujukan berdasarkan kepada kitab-kitab *fiqh* mazhab Shafi'i dan 4 fatwa yang hanya menyebut pandangan dari ulama Shafi'iyyah. Rujukan banyak dilakukan kepada kitab *al-Umm, al-Majmu', al-Rawdah, Tuhfah al-Muhtaj, Hashiyah al-Bujayrimi* dan lain-lain rujukan dalam mazhab Shafi'i.

Fatwa-fatwa tersebut dapat dilihat pada soalan bilangan 28 dan 37 dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970"* oleh Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi. Masalah yang disebut dalam soalan tersebut adalah mengenai mereka yang ingkar terhadap kewajipan zakat fitrah. Begitu juga pertanyaan pada soalan bilangan 97 dalam himpunan fatwa yang sama sebagaimana di atas iaitu mengenai zakat padi yang menggunakan kemudahan tali air yang disediakan oleh pihak kerajaan tetapi dikenakan cukai ke atas penanam-penanam padi tersebut.

Selain itu, fatwa pada soalan 156(1) dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970"* oleh Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi yang nampak jelas merujuk kepada mazhab Shafi'i. Fatwa tersebut adalah mengenai hukum mengeluarkan zakat bagi pihak isteri yang berada di negara lain.

Antara contoh lain yang jelas memperlihatkan keterikatan fatwa Mufti kepada mazhab Shafi'i adalah dalam jawapan kepada pertanyaan dalam soalan bilangan 156(2) dalam himpunan fatwa yang sama sebagaimana di atas iaitu tentang hukum isteri mengeluarkan zakat fitrahnya sendiri tanpa



keizinan daripada suaminya. Begitu juga apa yang berlaku pada jawapan dalam soalan 157(2) dalam himpunan fatwa yang sama sebagaimana di atas yang menyentuh berhubung syarat-syarat bagi seseorang menjadi *'amil*.

Namun terdapat beberapa fatwa-fatwa zakat yang dikeluarkan dalam era 80-an juga masih lagi terikat dengan doktrin hukum mazhab Shafi'i. Antaranya dalam soalan 21(a) yang meminta penjelasan daripada Mufti Engku Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku Alwi b. Engku Ambak tentang tiga orang telah mengusahakan tanaman padi secara perkongsian (gotong-royong) di atas sebidang tanah. Hal yang sama juga berlaku dalam permasalahan yang dinyatakan pada soalan 21(b) iaitu tentang zakat padi hasil daripada usaha secara perkongsian tetapi di atas tanah kepunyaan masing-masing

Antara jawapan fatwa yang tidak menyebut sumber rujukan tetapi menyebut pandangan ulama Shafi'i sahaja adalah fatwa pada soalan bilangan 4 dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970*" oleh Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi yang menyentuh mengenai persoalan hukum menjual beras fitrah kemudian sipembeli mengeluarkan semula untuk fitrahnya. Begitu juga yang berlaku pada soalan bilangan 150 koleksi fatwa yang sama iaitu persoalan mengenai masa mengeluarkan zakat fitrah yang diwajibkan ke atas diri seseorang dan orang yang di bawah tanggungannya.

Selain itu, antara jawapan dan soalan fatwa lagi yang menggambarkan keadaan di atas pada soalan bilangan 51(1) dalam fatwa Mufti Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi iaitu mengenai pemerintah yang mengagihkan harta zakat. Keadaan yang sama turut berlaku pada soalan bilangan 59(5) dalam himpunan fatwa yang sama yang menyentuh tentang hukum mereka yang berketurunan Bani Hashim menerima dan memakan zakat fitrah orang lain.

#### FATWA BERASASKAN MAZHAB LAIN DI SAMPING PANDANGAN MAZHAB SHAFI'I

Proses perumusan hukum yang tidak memerlukan pemerhatian yang mendalam dan sukar juga turut berlaku dalam fatwa-fatwa zakat yang menyebut secara jelas pandangan luar mazhab Shafi'i di samping pandangan mazhab Shafi'i sendiri. Namun hanya satu

sahaja atau 0.98 peratus keputusan fatwa mufti yang secara jelas memuatkan pandangan luar daripada mazhab Shafi'i di samping pandangan Shafi'iyyah. Sesetengah pandangan mazhab lain mempunyai kesimpulan yang berbeza dengan mazhab Shafi'i adalah untuk memberi pilihan kepada masyarakat untuk mengamalkannya jika ia bersesuaian dengan kemaslahatan awam.

Antara soalan dan jawapan fatwa yang menggambarkan di atas adalah pada soalan bilangan 51(2) dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970*" iaitu mengenai kes pemindahan zakat dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Ia menggambarkan seolah-olah pandangan dari luar mazhab Shafi'i turut boleh diterima pakai bagi tujuan menyelesaikan kes yang ada.

#### FATWA BERASASKAN PENDAPAT SELAIN MAZHAB SHAFI'I DAN PENDAPAT ULAMA KONTEMPORARI

Terdapat sebahagian fatwa Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi pada tahun 50-an-70-an dan fatwa Jawatankuasa Fatwa pada tahun 90-an yang telah memperlihatkan perubahan dan pembaharuan dalam membuat sesuatu penjelasan hukum mengenai zakat. Mereka dalam mengemukakan fatwa tidak terlalu terikat dengan rujukan *madhhabiyyah*, bahkan mereka secara jelas telah merujuk kepada penulisan tanpa mazhab terutama dari penulis-penulis semasa.

Ini menunjukkan arus pemikiran yang lebih bersifat terbuka dan rasional telah mula mewarnai amalan fatwa pada era semenjak 50-an hingga 70-an lagi semasa Mufti Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi memegang jawatan mufti lagi. Terdapat 3 sahaja fatwa atau 2.88 peratus yang menjelaskan keadaan di atas.

Bagi membuktikan hal demikian, antara kitab yang dijadikan rujukan oleh Mufti Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi ialah Kitab *Bahjah al-Musytaq fi Bayan Hukm Zakah al-Awraq* yang dikarang oleh al-'Allamah al-Sayyid Ahmad Bik al-Husayni dalam fatwa pada soalan bilangan 122 dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970*" tentang jumlah ringgit Malaysia yang boleh mencukupi nisab zakatnya.

Begitu juga apa yang berlaku dalam sebahagian fatwa yang dikemukakan oleh Mufti Engku Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku Alwi b. Engku Ambak yang menjadi bukti bagaimana pemikiran hukum yang terbuka pada zamannya meskipun pada waktu itu semangat fanatisme mazhab masih wujud. Namun dengan sikap keterbukaan beliau terhadap pandangan hukum mula menonjol terutamanya apabila alasan penghujahan yang dipegang ternyata menyerlah kewajaran dan sesuai dengan beberapa perkembangan semasa yang berlaku.

Antara contoh yang paling jelas memperlihatkan anjakan paradigma dalam amalan fatwa di antara tahun 80-an, adalah fatwa berkenaan zakat pendapatan gaji. Terdapat soalan pada bilangan 24 (a) dalam "Himpunan Fatwa Mufti Negeri Terengganu" oleh Mufti Engku Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku Alwi b. Engku Ambak yang menyentuh hal demikian. Fatwa tersebut merujuk kepada pandangan ulama selain mazhab Shafi'i dan tiga Imam mazhab lain iaitu pandangan sebahagian sahabat dan *tabi'in* seperti Ibn 'Abbas, Ibn Mas'ud, Mu'awiyah, al-Sadiq, al-Baqir, al-Nasir, Dawud, 'Umar 'Abd al-'Aziz, al-Hasan, al-Zuhri, al-Awza'i dan mazhab Ahmad b. Hanbal dalam masalah pendapatan daripada sewaan.

Hal yang sama juga turut berlaku dalam era 80-an hingga 90-an apabila Jawatankuasa Fatwa ketika itu merujuk kepada kitab *Fiqh al-Zakah* oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* oleh Dr. Wahbah al-Zuhayli dan fatwa Syaykh al-Azhar pada fatwa yang dalam Minit Mesyuarat Kali Ke-5, Penggal Ke-4, pada 8 dan 17 Rejab 1418 bersamaan 9 Ogos 1997.

#### FATWA YANG TIDAK MENYEBUT RUJUKAN

Terdapat banyak fatwa mengenai zakat yang dikeluarkan oleh mufti dan Jawatankuasa Fatwa yang tidak menyebut pendapat ulama dan sumber rujukan dari mana-mana kitab *fiqh* sama ada daripada mazhab Shafi'i ataupun selainnya.

Jika dilihat dari sudut statistik jumlah fatwa mufti dan Jawatankuasa Fatwa yang menyebut rujukan dan pandangan ulama serta fatwa yang tidak menyebut rujukan dan mana-mana pandangan di atas, boleh dibuat rumusan bahawa fatwa mufti dan Jawatankuasa Fatwa mengenai fatwa di atas yang tidak menyebut rujukan dan pandangan ulama adalah paling banyak iaitu sebanyak 89 fatwa atau

79.8 peratus daripada jumlah keseluruhan fatwa. Ini diikuti oleh fatwa mufti yang jelas menyebut rujukan *fiqh* mazhab Shafi'i iaitu sebanyak 11 fatwa atau 10.57 peratus. Manakala fatwa yang merujuk kepada selain mazhab Shafi'i atau jelas merujuk kepada penulisan ulama kontemporari adalah sebanyak 3 fatwa atau 2.88 peratus. Adapun fatwa yang memuatkan pandangan mazhab Shafi'i dan ulama mazhab lain adalah 1 fatwa sahaja atau 0.98 peratus. Jadual di bawah menunjukkan pecahan rujukan fatwa mengenai zakat secara ditil:

Statistik Rujukan Fatwa Mengenai Zakat di Terengganu (1953-2005)

Bil	Kedudukan Rujukan Fatwa	Jumlah	Peratus
1	Tidak Menyebut Rujukan	89	79.8
2	Jelas Menyebut Rujukan Mazhab Shafi'i	11	10.57
3	Jelas Merujuk Pandangan Luar Mazhab Shafi'i /Penulisan Ulama Kontemporari	3	2.88
4	Jelas Menyebut Pandangan Mazhab Shafi'i dan Mazhab Lain	1	0.98
Jumlah Keseluruhan		104	100

Namun begitu ia tidak bermakna fatwa-fatwa yang tidak disertakan dengan rujukan dari mana-mana kitab atau *fuqaha'* merupakan hasil daripada pemikiran para mufti dan Jawatankuasa Fatwa tanpa mempunyai apa-apa sandaran. Bahkan jika dianalisis, fatwa-fatwa tersebut boleh disesuaikan dengan mazhab Shafi'i di samping terdapat juga beberapa fatwa diputuskan menurut ijtihad dan kesesuaian yang ada tetapi selari dengan metodologi yang telah ditentukan oleh para *fuqaha'*. Ini kerana, berdasarkan penganalisan di atas juga mendapati kebanyakan keputusan-keputusan fatwa tersebut dianggap dapat disesuaikan dengan pandangan hukum yang diutarakan oleh *fuqaha'* dalam mazhab Shafi'i melalui kitab-kitab *fiqh* yang dikarang oleh mereka.

Tambahan pula tradisi kefatwaan dan pemikiran hukum Islam di Terengganu yang cenderung kepada *taqlid* mazhab Shafi'i masih lagi bertahan meskipun 11 fatwa sahaja dari keputusan-keputusan fatwa tersebut yang secara jelas merujuk kepada mazhab Shafi'i sama ada menyebut sumber rujukan ataupun sekadar menyebut pendapat ulama mazhab Shafi'i.

Ini menunjukkan pendekatan penyebaran ilmu yang diasaskan oleh ulama tradisional dan mufti terdahulu diwarisi oleh ulama-ulama kemudian yang terdidik di Universiti al-Azhar, Mesir dan

Mekah dengan meneruskan pegangan amalan hidup keagamaan yang berasaskan kepada mazhab Shafi'i dan menggunakan ijtihad dalam perkara-perkara yang diperlukan oleh masyarakat berasaskan kerangka mazhab muktabar dan kaedah *usul al-fiqh*.

Namun tidak dinafikan terdapat juga beberapa pendapat *fuqaha'* selain mazhab Shafi'i yang mempunyai persamaan dengan *fuqaha'* Shafi'iyyah dalam beberapa fatwa, tetapi menurut kajian penulis fatwa-fatwa tersebut yang dikeluarkan oleh para mufti dan Jawatankuasa Fatwa memang dipengaruhi oleh mazhab Shafi'i disebabkan beberapa faktor yang tertentu. Antaranya adalah para mufti lebih cenderung kepada menerima pakai pandangan mazhab Shafi'i bagi meraikan aliran anutan mazhab penduduk setempat.

Selain itu, keutamaan yang diperuntukkan kepada mazhab Shafi'i dalam proses mengeluarkan fatwa di samping sosio-historis dan beberapa faktor yang lain sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab kedua. Kesemua faktor tersebut memberi impak kepada proses pengeluaran fatwa dan penjelasan hukum oleh para mufti dan Jawatankuasa Fatwa.

Hasil kajian mendapati sebanyak 83 atau 93.25 peratus daripada jumlah keseluruhan fatwa-fatwa zakat (89 fatwa) yang tidak menyatakan sumber rujukan mempunyai banyak persamaan dengan pandangan yang dikemukakan oleh ulama dalam mazhab Shafi'i.

Ini membuktikan bahawa pemikiran ulama mazhab dan kitab karangan mereka khususnya mazhab Shafi'i dilihat menjadi rujukan dalam memutuskan sesuatu fatwa dan masalah yang berkaitan zakat meskipun mufti dan Jawatankuasa Fatwa tidak mengetengahkan sebarang rujukan dalam fatwa dan jawapan hukum tersebut. Setiap keputusan hukum yang diambil oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa adalah berdasarkan kekuatan hujah, kemaslahatan dan terdapat pandangan *fuqaha'* dalam masalah-masalah tertentu sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

Ini menggambarkan dominasi mazhab Shafi'i kelihatan masih berlaku dalam majoriti keputusan-keputusan fatwa yang diutarakan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa walaupun wujud perkembangan dari sudut kefahaman masyarakat Islam, sistem pendidikan dan latar belakang pendidikan para Mufti serta pendedahan para ulama dan masyarakat terhadap pelbagai mazhab. Ini seolah-olah kurang memberi kesan kepada prosedur dan asas dalam pengeluaran

fatwa. Senarai rujukan yang penulis sesuaikan terhadap fatwa Mufti dan Jawatankuasa Fatwa di atas menampakkan keadaan tersebut walaupun beberapa masalah pandangan tersebut boleh disesuaikan dengan pandangan ulama selain Shafi'i.

Meskipun pandangan mazhab Shafi'i menjadi dominan dalam fatwa-fatwa tersebut yang diputuskan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa, namun mereka tidak dianggap sebagai golongan yang *ta'asub* dan jumud kerana mengikut secara *taqlid* melulu kepada mazhab Shafi'iyyah.

Bahkan menurut tanggapan penulis, Mufti dan Jawatankuasa Fatwa lebih cenderung merujuk kepada kitab-kitab mazhab Shafi'i dalam membuat keputusan fatwa kerana meraikan dan menyeragamkan anutan mazhab penduduk tempatan. Tambahan pula kitab-kitab mazhab Shafi'i telah lama dalam tradisi pengajian dan amalan perundangan di Terengganu dan mereka juga percaya dan berkeyakinan bahawa berpegang kepada penafsiran hukum oleh *fuqaha'* terdahulu terutama mazhab Shafi'i lebih tepat dengan kehendak Syarak dan mengekalkan disiplin penafsiran hukum selaras dengan situasi setempat.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa jawapan fatwa dalam menghadapi isu-isu *fiqh* semasa bermula semenjak era 1950 lagi seperti fatwa yang dikemukakan oleh Mufti Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi hingga 1990 dan 2000 seperti fatwa Mufti Engku Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku Alwi b. Engku Ambak dan Mufti Dato' Syeikh Abdul Halim Abdul Kadir, dilihat tidak mengeluarkan hukum yang bersifat *taqlid* kepada mazhab Shafi'i secara mutlak.

Hal ini berlaku kerana terdapat juga pandangan mazhab Shafi'i tidak diikuti sepenuhnya oleh mufti dan Jawatankuasa Fatwa kerana terdapat sebahagian fatwa yang menyelitkan pandangan daripada mazhab lain selain mazhab Shafi'i bahkan mengambil pandangan mazhab lain dan rujukan dari sebahagian karangan ulama kontemporari yang mempunyai kesimpulan yang berbeza dengan mazhab Shafi'i.

Menurut kajian, terdapat 9 fatwa yang dianggap selari dengan pandangan selain mazhab Shafi'i atau merujuk kepada penulisan kontemporari termasuk 3 fatwa sahaja yang jelas merujuk kepada pandangan selain mazhab Shafi'i atau merujuk kepada penulisan kontemporari. Manakala 6 fatwa lagi dilihat berdasarkan analisis penulis jika sesuatu fatwa tersebut tidak disertakan rujukan.

Ini mencetuskan dan membuktikan bagaimana pemikiran hukum, sikap keterbukaan dan kelonggaran serta memberi pilihan (*takhayyur*) dan *tafiiq* kepada masyarakat dalam menangani persoalan-persoalan semasa umat Islam dan memenuhi kepentingan umum meskipun pada waktu itu semangat fanatisme mazhab masih wujud.

Sikap keterbukaan terhadap pandangan hukum mula menonjol terutamanya apabila alasan penghujahan yang dipegang ternyata menyerlah kewajaran dan sesuai dengan beberapa perkembangan semasa yang berlaku. Justeru fatwa-fatwa berkaitan zakat yang dikeluarkan dari tahun 1953 hingga 2005 sebahagiannya bersifat semasa dan tidak terlalu terikat kepada pendapat mazhab Shafi'i dengan mengambil kira pandangan-pandangan dari luar mazhab Shafi'i apabila ia dianggap lebih sesuai, praktikal dan memenuhi kepentingan umum.

Ini membuktikan para mufti dan Jawatankuasa Fatwa dalam membuat keputusan fatwa-fatwa tersebut mengambil kira elemen-elemen dalam mekanisme ijtihad seperti *istislah*, *al-istishab*, *al-dhara'i* dan beberapa bentuk mekanisme ijtihad yang lain dalam usaha memberi jawapan terhadap permasalahan hukum yang berlaku.

Keadaan ini juga menggambarkan perkembangan dari sudut kefahaman masyarakat Islam, sistem pendidikan dan latar belakang pendidikan para

mufti serta pendedahan para ulama dan masyarakat terhadap pelbagai mazhab memberi kesan walaupun sedikit kepada proses pengeluaran fatwa zakat di Terengganu. Untuk mendapat keterangan yang lebih jelas dan detail berkenaan huraian di atas, boleh lihat Jadual 1 di bawah:

Berdasarkan jadual dan carta di atas, jelas menunjukkan fatwa-fatwa zakat yang dipengaruhi oleh mazhab Shafi'i kesemuanya berjumlah 94 fatwa atau 90.37 peratus daripada jumlah keseluruhan fatwa zakat jika dicampurkan fatwa zakat yang jelas merujuk kepada mazhab Shafi'i dengan fatwa yang boleh disesuaikan dengan mazhab Shafi'i.

Jika dilihat dari sudut tempoh setiap mufti memegang jawatan, fatwa zakat yang diputuskan semasa Mufti Shaykh Sayyid Yusuf b. Ali al-Zawawi adalah yang terbanyak dipengaruhi oleh mazhab Shafi'i iaitu sebanyak 48 fatwa atau 51.06 peratus dari jumlah keseluruhan fatwa mengenai zakat. Ini diikuti oleh fatwa zakat yang dikeluarkan oleh Mufti Y.M. Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku Haji Alwi bin Engku Haji Ambak Al-Idrus memegang jawatan iaitu sebanyak 27 fatwa atau 28.73 peratus. Ini berbeza dengan fatwa zakat yang dikeluarkan semasa Mufti Dato' Al-Syeikh Abdul Halim bin Abdul Kadir memegang jawatan iaitu sebanyak 11 fatwa atau 11.7 peratus sahaja dan semasa Mufti Dato' Indera Guru Haji Wan Abdul Manan bin Haji Wan Yaakob iaitu

JADUAL 1. Statistik Kedudukan Pengaruh Mazhab Shafici dalam Fatwa-Fatwa Zakat Negeri Terengganu (1953-2005)

Bil	Tajuk Fatwa Zakat	Sebut Ruj/ Tidak	Jelas merujuk mazhab Shafi'i	Sesuai dengan mazhab Shafi'i	Bukan mazhab Shafi'i/Jelas merujuk ulama kontemporari	Jelas Rujuk mazhab Shafi'i dan mazhab lain	Jumlah
1	Kewajipan Zakat & Kedudukannya di dalam Islam	Sebut: 0 Tak Sebut: 2	-	2	-	-	2
2	Harta-Harta yg dikenakan Zakat	Sebut: 6 Tak Sebut: 43	2	41	6	-	49
3	<i>Asnaf</i> Zakat	Sebut: 1 Tak Sebut: 13	1	12	1	-	14
4	Urusan Pengeluaran & Pengagihan Zakat	Sebut: 2 Tak Sebut: 16	1	15	1	1	18
5	Zakat Fitrah	Sebut: 7 Tak Sebut: 14	7	13	1	-	21
	Jumlah	Sebut: 15 Tak Sebut: 89	11	83	9	1	104
	Peratus	Sebut: 14.42 Tak Sebut: 85.58	10.57	79.8	8.65	0.98	100




hanya 8 fatwa atau 8.51 peratus sahaja dipengaruhi oleh mazhab Shafi'i.

Namun fatwa zakat yang sesuai dengan pandangan selain mazhab Shafi'i atau merujuk kepada ulama kontemporari yang dikeluarkan oleh Mufti Y.M. Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku Haji Alwi bin Engku Haji Ambak Al-Idrus memegang jawatan adalah yang terbanyak iaitu sebanyak 7 fatwa atau 77.78 peratus dari jumlah keseluruhan fatwa tersebut. Ini menggambarkan pada era 80-an, pemikiran hukum, sikap keterbukaan dan kelonggaran serta memberi pilihan (*takhayyur*) dan *talfiq* kepada masyarakat dalam menangani persoalan-persoalan semasa umat Islam jelas kelihatan berdasarkan rujukan yang dikemukakan oleh Mufti.

Sementara fatwa zakat yang dikeluarkan oleh Mufti Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi dan Mufti Dato' Al-Shaykh Abdul Halim bin Abdul Kadir, masing-masing mempunyai 1 fatwa atau 11.11 peratus sahaja. Sementara itu, terdapat 1 fatwa zakat sahaja yang jelas merujuk kepada mazhab Shafi'i dan mazhab lain iaitu fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan tersebut, lihat Jadual 2 di bawah:

Ini membuktikan bahawa mazhab Shafi'i dianggap sebagai mazhab yang paling berpengaruh dan dominasi dalam keputusan-keputusan fatwa mengenai zakat di Terengganu tanpa menafikan

terdapat beberapa fatwa yang mengambil penyelesaian hukum berdasarkan pandangan luar daripada mazhab Shafi'i. Untuk menggambarkan dengan lebih jelas bagaimana kedudukan pengaruh mazhab Shafi'i dalam fatwa-fatwa zakat negeri Terengganu, bolehlah lihat pada Rajah 1 di bawah:



RAJAH 1. Kedudukan Pengaruh Mazhab Shafici dalam Fatwa-fatwa Zakat Negeri Terengganu (1953-2005)

Berdasarkan penghuraian dan penganalisan di atas, seolah-olah menggambarkan pengaruh dan kecenderungan masyarakat termasuk institusi fatwa kepada aliran mazhab Shafi'i masih kuat walaupun terdapat kecenderungan mufti dan Jawatankuasa Fatwa untuk mengambil pandangan luar mazhab Shafi'i. Hal ini berlaku kerana mazhab Shafi'i telah

JADUAL 2. Statistik Kedudukan Pengaruh Mazhab Shafi'i dalam Fatwa-fatwa Zakat Negeri Terengganu Mengikut Tempoh Mufti Memegang Jawatan

Bil	Nama Mufti	Jelas merujuk mazhab Shafi'i	Sesuai dengan mazhab Shafi'i & mazhab lain	Bukan mazhab Shafi'i/Jelas merujuk ulama kontemporari	Jelas sebut mazhab Shafi'i dan mazhab lain	Jumlah
1	Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi	10	38	1	1	50
2	Dato' Indera Guru Haji Wan Abdul Manan b. Haji Wan Yaakob	-	8	-	-	
3	Y.M. Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku Haji Alwi b. Engku Haji Ambak Al-Idrus	1	26	7	-	34
4	Dato' Al-Shaykh Abdul Halim b. Abdul Kadir	-	11	1	-	12
5	Dato' Dr Hj. Mohamad Zubir Bin Haji Awang	-	-	-	-	-
	Jumlah	11	83	9	1	104

meninggalkan pengaruh yang besar dalam sistem pendidikan tradisional di Malaysia. Pengaruh mazhab ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk sistem pengajian yang wujud sama ada secara formal atau tidak formal. Bahkan *fiqh* mazhab Shafi'i masih lagi menjadi asas kepada pembelajaran hukum Islam di semua peringkat.

Situasi di atas memberi implikasi yang mendalam kepada pemikiran dan pengamalan hukum Islam itu sendiri. Para ulama tempatan termasuk para Mufti dan Jawatankuasa Fatwa mengeluarkan fatwa berasaskan pendapat *fiqh* Shafi'i meskipun terdapat sebahagian fatwa yang merujuk kepada pandangan luar mazhab Shafi'i. Walau bagaimanapun, rujukan kepada mazhab lain dalam penentuan hukum tidak menjejaskan kedudukan mazhab Shafi'i dalam amalan masyarakat Melayu Islam di Terengganu meskipun mereka berhadapan dengan gelombang dunia global pada hari ini seperti laman-laman web dan pendedahan masyarakat kepada buku-buku dari luar negara. Namun begitu, jika masyarakat lebih cenderung kepada pendedahan pandangan-pandangan luar mazhab Shafi'i melalui saluran-saluran tersebut, kemungkinan besar lamakelamaan pengaruh mazhab Shafi'i akan semakin berkurangan.

#### PERTINDIHAN FATWA MENGENAI ZAKAT

Berdasarkan hemat penulis juga, terdapat beberapa penjelasan hukum dalam beberapa fatwa dianggap mempunyai kesimpulan hukum yang sama seperti fatwa mengenai penyerahan harta zakat kepada *'amil* yang tidak dilantik oleh pihak pemerintah iaitu pada fatwa dalam soalan 35, 59(1), 108(2) dan 157(4) dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)*" oleh Mufti Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi.

Begitu juga berlaku pada soalan bilangan 68(2) dan 68(3) dalam koleksi fatwa yang sama iaitu masalah yang menyentuh mengenai hukum zakat dari keuntungan (*dividen*) yang dibayar oleh syarikat kepada pemegang-pemegang saham yang menanam modal perniagaan dalam sesebuah syarikat seperti saham-saham Mara, EPF atau sebagainya. Hal yang sama juga turut berlaku semasa Mufti Y.M. Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku Haji Alwi bin Engku Haji Ambak Al-Idrus memegang jawatan iaitu pada Minit

Mesyuarat Kali Ke-7, Penggal Ke-4, 25 Rabiul Awal 1419 bersamaan 19 Julai 1998, masalah ke-4 dalam *Himpunan Jawapan Kemusykilan-Kemusykilan Agama* dan Minit Mesyuarat Kali Ke-12, Penggal Ke-3, 6 Rejab 1416 bersamaan 29 November 1995.

Hal yang sama juga berlaku terhadap permasalahan berkenaan nisab zakat yang diperlakukan dengan pemberian atau mana-mana sumbangan iaitu pada fatwa dalam soalan bilangan 137 (1) dan 137 (2) dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)*".

Antara fatwa yang juga mempunyai persamaan dari sudut penjelasan hukum adalah mengenai seseorang yang tidak sempat membuat pembayaran zakat tetapi telah mencukupi syarat-syaratnya, boleh membuat demikian mengikut kadar kemampuannya iaitu pada masalah bilangan 68(6) dan 99 dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)*".

Begitu juga fatwa yang dikemukakan pada soalan bilangan 16(a) dalam "*Fatwa Mufti*" dan fatwa pada soalan bilangan 6 dalam Minit Mesyuarat Kali Ke-1, Penggal Ke-5, 13 Sya'ban 1420 bersamaan 21 November 1999 mengenai zakat wang simpanan sebagaimana yang telah dikemukakan di atas. Walaupun fatwa yang dikeluarkan pada masalah berikut berbeza dari sudut tahun dan mufti dan Jawatankuasa Fatwa di antara satu sama lain.

Keadaan ini juga berlaku terhadap fatwa tentang zakat wang simpanan yang disimpan di dalam mana-mana institusi kewangan iaitu pada 3 fatwa dalam masalah bilangan 68(8), 68(10) dan 86 (1) dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)*". Hal yang sama juga berlaku dalam fatwa tentang zakat dan cukai pendapatan atau hasil iaitu pada fatwa dalam soalan bilangan 68(11) dan 94(4) dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)*".

Sementara itu, fatwa yang berkaitan penggunaan wang zakat bagi kegunaan pengurusan yang berkaitan dengan Kerajaan sebagaimana yang terdapat pada fatwa dalam Minit Mesyuarat Kali Ke-9, Penggal Ke-5, 21 Safar 1422 bersamaan 15 Mei 2001, Minit Mesyuarat Kali Ke-8, Penggal Ke-5, 1 Zulhijjah

1421 bersamaan 25 Februari 2001 dan dalam Minit Mesyuarat Kali Ke-3, Penggal Ke-6, 23 Zulkaedah 1423 bersamaan 26 Januari 2003, juga turut mempunyai kesimpulan hukum yang dianggap mempunyai persamaan.

Begitu juga halnya berlaku dalam fatwa Minit Mesyuarat Kali Ke-8, Penggal Ke-5, 1 Zulhijjah 1421 bersamaan 25 Februari 2001 dan fatwa dalam Minit Mesyuarat Kali Ke-4, Penggal Ke-6, 19 Jamadil Awal 1424 bersamaan 17 Ogos 2003 yang membincang berkenaan pengagihan zakat bagi tujuan *sinffi sabil Allah*.

#### PERCANGGAHAN FATWA MENGENAI ZAKAT

Terdapat juga keputusan hukum dianggap seolah-olah bercanggah terhadap masalah yang sama iaitu pada soalan bilangan 68(11) dan 94(4) dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)*" dengan fatwa yang disebut pada bilangan 94(5) dalam "*Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)*" iaitu tentang pembayaran zakat menyebabkan seseorang itu tidak perlu membayar cukai kepada pihak kerajaan. Dalam masalah 94(5) menjelaskan tentang resit bagi menunjukkan pembayaran zakat telah dibuat dan ia boleh ditunjukkan kepada pihak pemerintah supaya cukai tidak dikenakan kepadanya. Sedangkan pada masalah 68(11) dan 94(4) pula mengatakan bahawa zakat dan cukai adalah dua kewajipan yang berbeza.

Begitu juga fatwa dalam Minit Mesyuarat Kali Ke-12, Penggal Ke-4, 30 Muharam 1420 bersamaan 16 Mei 1999 dengan fatwa dalam Minit Mesyuarat Kali Ke-8, Penggal Ke-5, 1 Zulhijjah 1421 bersamaan 25 Februari 2001 tentang mengambil peruntukan daripada keuntungan wang zakat yang disimpan di mana-mana institusi kewangan. Sebagaimana yang telah dikemukakan di atas, menurut pandangan mufti pada masalah pertama yang mengatakan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa bermesyuarat dan bersetuju bahawa hasil keuntungan atau wang hibah daripada simpanan pelaburan yang diperolehi menerusi akaun zakat adalah sebahagian daripada kumpulan wang zakat. Oleh itu, wang berkenaan hendaklah dikembalikan kepada akaun zakat dan

dibelanjakan untuk kepentingan *asnaf-asnaf* zakat sahaja. Sedangkan fatwa yang dikemukakan oleh mufti pada masalah kedua yang mengatakan bahawa apa yang dianggap perlu oleh jabatan, bolehlah diambil daripada keuntungan simpanannya. Ini menggambarkan berlaku percanggahan di antara kedua masalah berikut.

Dalam pada itu fatwa dalam Minit Mesyuarat Kali Ke-8, Penggal Ke-5, 1 Zulhijjah 1421 bersamaan 25 Februari 2001 juga mempunyai percanggahan dengan fatwa yang telah dikemukakan sebelum ini iaitu pada fatwa dalam Minit Mesyuarat Kali Ke-2, Penggal Ke-4, bil (ii), 10 Ramadhan 1417 bersamaan 19 Januari 1997 berhubung larangan wang zakat atau harta zakat dilaburkan oleh pihak yang bertanggungjawab menguruskan harta zakat ke dalam mana-mana institusi kewangan. Mengikut pandangan penulis, percanggahan tersebut berlaku adalah untuk menyesuaikan keadaan dan kepentingan umum semasa fatwa dan penjelasan hukum itu dibuat.

#### KESIMPULAN

Berdasarkan penjelasan dan penganalisisan di atas, dapat dirumuskan bahawa penyebaran Islam di Malaysia amnya dan Terengganu khususnya melalui pendekatan mazhab Shafi'i memberi impak dan melahirkan semangat keterikatan kepada mazhab Shafi'i terhadap masyarakat mahupun para ulama.

Berdasarkan faktor sosio-historis, para mufti dan Jawatankuasa Fatwa dilihat menghormati situasi tersebut dan berpegang kepada peruntukan enakmen perundangan negeri dan amalan penduduk Melayu setempat sudahpun akur dengan doktrin mazhab Shafi'i di dalam semua hal kehidupan. Ia menjadi ukuran dalam mengutarakan fatwa dan menjadi asas kepada aplikasi hukum. Oleh itu, sebahagian besar fatwa dan keputusan hukum mengenai zakat yang dikemukakan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa, dilihat mengutip pendapat mazhab Shafi'i dan mampu menghurai serta memahami masalah-masalah yang jelas dan yang rumit-rumit yang terdapat dalam kitab-kitab *fiqh* mazhab Shafi'i. Dengan itu, mereka dapat mengolah dan menganalisis dan seterusnya mencari persamaan antara permasalahan zakat dengan keputusan hukum yang telah sedia ada dalam perbendaharaan *fiqh* Shafi'i di samping menganggap wujud kemiripan antara keduanya.

Namun begitu, Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No. 4 pada tahun 1955, seksyen 26(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (1986) dan dalam Seksyen 54(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422/2001M memberi ruang kepada Mufti dan Jawatankuasa Fatwa diberi pilihan untuk memilih pendapat dalam ketiga-tiga mazhab lain jika bersalahan dengan kepentingan awam.

Justeru terdapat beberapa fatwa Mufti dan Jawatankuasa Fatwa yang tidak menampakkan keterikatan kepada mazhab Shafi'i sekiranya ia bertentangan dengan kemaslahatan dan kepentingan umum. Mereka boleh menggunakan metodologi "ijtihad intiqā'i" iaitu ijtihad yang berdasarkan proses pemilihan dan menapis serta mentarjihkan pendapat-pendapat *fiqh* yang terdahulu terutama pandangan ulama luar dari mazhab Shafi'i iaitu tiga mazhab utama yang lain jika ia menepati dengan kepentingan umum.

Dalam pada itu, Mufti dan Jawatankuasa tersebut bolehlah mengeluarkan fatwanya sendiri tanpa terikat dengan empat mazhab tersebut sekiranya keempat-empat mazhab tersebut pula bercanggah dengan kepentingan awam. Ini menggambarkan kelonggaran yang diperuntukkan oleh enakmen kepada Mufti dan Jawatankuasa Fatwa dalam memutuskan sesuatu fatwa. Justeru, ada beberapa fatwa yang mempunyai masalah yang sama tetapi penyelesaian hukum yang berbeza disebabkan perbezaan suasana dan keadaan yang memerlukan kepada penyelesaian hukum yang berdasarkan objektif Syariah (*maqasid al-syari'ah*). Hal ini juga boleh dilihat dalam beberapa fatwa mengenai zakat di atas.

#### NOTA

<sup>1</sup> Sila lihat, <http://www.e-fatwa.gov.my>, 13 Oktober 2006; Antara buku-buku, dokumen-dokumen, petikan-petikan atau fail-fail yang menyentuh berkenaan fatwa dan penjelasan hukum oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu antara tahun 1953 hingga 2005 ialah *Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)* oleh Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al-Zawawi, *Fatwa Mufti* oleh Dato' Indra Guru Hj. Wan Abdul Manan b. Wan Ya'kub, *Himpunan Jawapan Kemusykilan-Kemusykilan Agama dan Himpunan Fatwa Mufti Negeri Terengganu* oleh Engku Pangiran Arif DiRaja Dato' Engku 'Alwi b. Engku Ambak dan keratan-

keratan akhbar *Warta Darul Iman* yang memuatkan jawapan dan penjelasan hukum oleh Mufti Dato' al-Shaykh Abdul Halim b. Abdul Kadir; Keputusan Fatwa Negeri Terengganu Mengenai Zakat dalam *Minit-Minit Mesyuarat Jawatankuasa Ulamak/Fatwa Negeri Terengganu* dari Tahun 1956-2005.

<sup>2</sup> *Temubual* melalui telefon bersama Dr. Zulkifli b. Mohammad al-Bakri, pada Jumaat, 7 September 2007, jam 10.10-10.20 am.

#### RUJUKAN

- Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No. 4, 1955, Fasal 21 (1).
- Hasnan Kasan. 2000. *Pengaruh Institusi Fatwa dalam Aktiviti Masyarakat Islam di Malaysia*, (Tesis Sarjana), Bangi: Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu. t.t, *Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)* oleh Syed Yusuf b. 'Ali al-Zawawi.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. 2000. *Fatwa Mufti*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd..
- Jabatan Mufti Negeri Terengganu. 1998. *Himpunan Jawapan Kemusykilan-kemusykilan Agama*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Laman web, [http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa\\_warta\\_view.asp](http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa_warta_view.asp) ,
- Minit Mesyuarat Kali Ke-4, Penggal Ke-5, 14 Jamadil Akhir 1421 bersamaan 3 September 2000
- Minit Mesyuarat Kali Ke-3, Penggal Ke-6, 23 Zulkaedah 1423 bersamaan 26 Januari 2003.
- Minit Mesyuarat Kali Ke-4, Penggal Ke-6, 19 Jamadil Awal 1424 bersamaan 17 Ogos 2003.
- Minit Mesyuarat Kali Ke-7, Penggal Ke-5, 29 Syawal 1421 bersamaan 14 Januari 2001.
- Minit Mesyuarat Kali Ke-8, Penggal Ke-5, 1 Zulhijjah 1421 bersamaan 25 Februari 2001.
- Minit Mesyuarat Kali Ke-8, Penggal Ke-5, 1 Zulhijjah 1421 bersamaan 25 Februari 2001.
- Minit Mesyuarat Kali Ke-8, Penggal Ke-5, 1 Zulhijjah 1421 bersamaan 25 Februari 2001.
- Minit Mesyuarat Kali Ke-9, Penggal Ke-5, 21 Safar 1422 bersamaan 15 Mei 2001.
- Muhammad b. Idris al-Syafi'i. 1393. *al-Umm*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Muhammad b. Muflih al-Maqdisi Abu 'Abd Allah. 1418. *al-Furu'*. Edited by, Abu Zahra' Hazim al-Qadi. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah,
- Suk Trg. 90/1336. pinta fatwa al-mufti suatu soal perkara yang berkenaan dengan syariah Muhammadiyah.



Terengganu, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (1986) seksyen 26(1).

Terengganu, Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak 1955 (1357) (Undang-Undang Bil. 4 Tahun 1955), fasal 21 (1).

Wan Zulkifli bin Wan Hassan. 2009, Pengaruh Mazhab Shafi'i dalam Fatwa Mengenai Zakat di Terengganu: Kajian dari Tahun 1953-2005, Tesis PhD Syariah, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

*Warta Darul Iman*. 2003. 12 Sya'ban 1424H / 8 Oktober 2003M, Bil. 80.

*Warta Darul Iman*. 2002. 26 Rabiulawal 1423H / 8 Jun 2002M, Bil. 48.

*Warta Darul Iman*. 2003. 6 Safar 1424H / 8 April 2003M, Bil. 68.

\*Wan Zulkifli Wan Hassan  
Pusat Pengajian Umum  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor D. E.  
MALAYSIA

\*wenzoul@ukm.edu.my

